

**UCAPAN KETUA HAKIM NEGARA SEMPENA MAJLIS ANGKAT  
SUMPAH JAWATAN DAN TAAT SETIA HAKIM MAHKAMAH  
PERSEKUTUAN, HAKIM MAHKAMAH RAYUAN DAN PESURUHJAYA  
KEHAKIMAN PADA 10 JULAI 2020**

Yang Berhormat Dato' Takiyuddin bin Hasan,

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang);

YAA Dato' Rohana binti Yusuf,

Presiden Mahkamah Rayuan;

YAA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed,

Hakim Besar Malaya;

YAA Dato' Abang Iskandar bin Abang Hashim,

Hakim Besar Sabah dan Sarawak;

Yg Berbahagia Tan Sri Idrus bin Harun,

Peguam Negara Malaysia;

YA-YA Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan;

YA-YA Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi;

Yg Berbahagia Dato' Mah Weng Kwai

Ahli Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman;

Yg Berbahagia Emeritus Professor Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi,

Ahli Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman;

Yg Berusaha Tuan Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh,

Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia;

Yg Berusaha En. Qalam Zainudin bin Sani,

Setiausaha Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman;

Yg Berusaha En. Salim bin Bashir Baskaran,

Yang Di-pertua Majlis Peguam Malaysia;

Para tetamu, pegawai-pegawai kehakiman, wakil-wakil media, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian;

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

[1] Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua, kita dapat bersama-sama hadir di majlis Angkat Sumpah Jawatan Hakim Mahkamah Persekutuan dan Hakim Mahkamah Rayuan dan majlis Penyerahan Watikah serta Angkat Sumpah Jawatan Pesuruhjaya Kehakiman.

[2] Dengan segala takzimnya, saya bagi pihak Badan Kehakiman Malaysia, ingin menjunjung kasih atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustain Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah al-Mustain Billah atas pelantikan:

- (i) YA Dato' Mary Lim Thiam Suan;
- (ii) YA Datuk Harmindar Singh Dhaliwal; dan
- (iii) YA Datuk Rhodzariah binti Bujang

sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan,

- (i) YA Dato Indera' Mohd Sofian bin Tan Sri Abd Razak;
- (ii) YA Datuk Supang Lian;
- (iii) YA Dato' Lee Heng Cheong;
- (iv) YA Datuk Wira Haji Ahmad Nasfy bin Haji Yasin;
- (v) YA Dato' Che Mohd Ruzima bin Ghazali;
- (vi) YA Tuan Gunalan a/l Muniandy;
- (vii) YA Dato' Nordin bin Hassan; dan
- (viii) YA Tuan Darryl Goon Siew Chye

sebagai Hakim Mahkamah Rayuan; dan

- (i) YA Datuk Hajah Zaleha Rose binti Datuk Haji Pandin;
- (ii) YA Dato' Azhar bin Abdul Hamid;
- (iii) YA Dr. Arik Sanusi bin Yeop Johari;
- (iv) YA Datuk Amirudin bin Abd Rahman;
- (v) YA Puan Mahazan binti Mat Taib;
- (vi) YA Tuan Bhupinder Singh a/l Gurcharan Singh Preet;
- (vii) YA Puan Alice Loke Yee Ching;
- (viii) YA Tuan Ahmad Murad bin Abdul Aziz;
- (ix) YA Puan Liza Chan Sow Keng;
- (x) YA Tuan Wan Muhammad Amin bin Wan Yahya; dan
- (xi) YA Tuan Alexander Siew How Wai,

sebagai Pesuruhjaya Kehakiman.

[3] Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, kerana telah menerima nama-nama yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman berkaitan dengan pelantikan ini. Penerimaan YAB Perdana Menteri terhadap cadangan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman, menunjukkan YAB Perdana Menteri mendukung kebebasan berterusan Badan Kehakiman dan sentiasa mempertahankan kebebasan itu, sebagaimana termaktub di bawah seksyen 2 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009.

[4] Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada YA-YA yang masing-masing telah dilantik

sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan dan Pesuruhjaya Kehakiman.

YAA-YAA, YA-YA, tuan-tuan dan puan-puan,

[5] Pada petang ini, izinkan saya untuk mengingatkan para hadirin dan orang ramai mengenai prinsip asas sistem perundangan di negara kita. Peringatan ini dirasakan perlu dibuat, kerana terdapat kekeliruan di kalangan orang ramai mengenai peranan mahkamah, peranan Pendakwa Raya dalam kes-kes jenayah dan peranan pihak-pihak yang bertikai dalam kes sivil.

[6] Seperti kita semua sedia maklum, terdapat perbezaan ketara antara undang-undang sivil dan jenayah. Secara ringkas, undang-undang sivil ialah badan undang-undang yang ada hubungan dengan hak-hak persendirian atau peribadi individu-individu (*"the body of law having to do with the private rights of individuals"*). Kes-kes sivil ialah tindakan yang dikemukakan oleh individu-individu untuk melindungi hak-hak mereka. Pertikaian kebanyakannya adalah antara seseorang individu dengan individu yang lain atau antara individu dengan syarikat diperbadankan atau antara satu syarikat dengan syarikat yang lain dan ada kalanya melibatkan badan-badan awam atau kerajaan. Pihak yang mengemukakan tindakan sivil mempunyai kawalan penuh terhadap prosiding dalam erti kata dia boleh memutuskan sama ada untuk meneruskan atau menghentikan sesuatu tindakan (*"the claimant will retain complete control over the proceedings in the sense that he will be able to make decisions whether to continue or discontinue the action"*).

Tujuan utama tindakan sivil ialah untuk mendapatkan remedi berbentuk pampasan, gantirugi atau relif-relif yang lain.

[7] Sekiranya pihak-pihak yang bertikai, atas apa-apa jua alasan tidak berhasrat untuk meneruskan tindakan, bukanlah menjadi kewajipan dan tanggungjawab mahkamah untuk bertegas dan mendesak pihak-pihak meneruskan perbicaraan kes sehingga selesai. Lazimnya, apabila pihak-pihak yang bertikai tidak berhasrat untuk meneruskan tindakan, Mahkamah akan membatalkan tindakan tersebut tanpa apa-apa terma atau syarat atau dengan terma-terma dan syarat-syarat tertentu sebagaimana yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak yang bertikai. Dalam hal ini, mahkamah hanya bertindak untuk memberi kesan kepada penamatian prosiding yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak yang bertikai (*“the Court merely gives effect to the consensual termination of the proceedings”*).

[8] Kes-kes jenayah adalah berbeza dengan kes-kes sivil. Pihak-pihak dalam kes-kes jenayah ialah individu (tertuduh) dan negara yang diwakili oleh Pendakwa Raya. Dalam sistem keadilan negara kita, Perkara 145 Fasal (3) Perlembagaan Persekutuan memberi budi bicara yang luas kepada Peguam Negara (Pendakwa Raya) “untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan, selain prosiding di hadapan mahkamah syariah, mahkamah anak negeri atau mahkamah tentera”. Budi bicara ini adalah budi bicara muktamad Peguam Negara dan ini telah berakar umbi dalam perbendaharaan undang-undang Malaysia dan telah disahkan oleh mahkamah atasan Malaysia dalam kes-kes antaranya, *Long bin Samat v*

*Public Prosecutor* [1974] 2 MLJ 152; *Public Prosecutor v Datuk Harun bin Haji Idris and Ors* [1976] 2 MLJ 116; *Poh Cho Ching v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 86; *Public Prosecutor v Lau Kee Hoo* [1983] 1 MLJ 157; dan *Karpal Singh & Anor v Public Prosecutor* [1991] 2 MLJ 544. Baru-baru ini, Mahkamah Persekutuan dalam kes *Peguam Negara Malaysia v Chin Chee Kow and another appeal* [2019] 4 CLJ 561 telah mengesahkan kenyataan berikut oleh Mahkamah Rayuan:

*“... it cannot be disputed that the Attorney General has unfettered discretion in relation to prosecution of criminal offence based on article 145 of the Federal Constitution.”.*

[9] Ringkasnya, mahkamah tidak boleh memaksa dan mendesak Pendakwa Raya untuk memulakan atau menjalankan prosiding jenayah terhadap mana-mana orang atau pihak sekiranya Pendakwa Raya tidak berhasrat untuk berbuat demikian. Mahkamah juga tidak boleh memaksa dan mendesak Pendakwa Raya untuk meneruskan perbicaraan terhadap pertuduhan yang dikemukakan di mahkamah sekiranya beliau telah memutuskan untuk memberhentikan atau menarik balik sesuatu pertuduhan yang telah dikemukakan itu (*“the courts cannot compel the public prosecutor to institute criminal proceedings which he does not wish to institute, or to go on with criminal proceedings which he has decided to discontinue”*).

[10] Justeru, dalam kes-kes jenayah, mahkamah atau hakim-hakim tidak mempunyai peranan apatah lagi kuasa, untuk mengarah atau mendesak Pendakwa Raya untuk mengemukakan pertuduhan atau menarik balik

pertuduhan yang telah dikemukakan di mahkamah, jika pihak Pendakwa Raya tidak berhasrat untuk mengemukakan pertuduhan berkenaan atau telah memutuskan untuk memberhentikan atau menarik balik pertuduhan-pertuduhan kes-kes tertentu yang telah dibawa ke mahkamah. Ini adalah kedudukan undang-undang negara kita. Hanya kerana terdapat pihak ketiga tertentu yang tidak bersetuju dengan keputusan pihak Pendakwa Raya untuk memberhentikan atau tidak meneruskan dengan pertuduhan yang telah dikemukakan di mahkamah, ini tidak bermakna bahawa mahkamah atau hakim-hakim telah bersikap tidak jujur, bersekongkol, berpihak kepada mana-mana golongan tertentu atau terlibat dengan amalan rasuah. Dengan kata lain, jika sesuatu pertuduhan yang telah dikemukakan di mahkamah, tidak diteruskan atau ditarik balik atas keputusan yang dibuat oleh pihak Pendakwa Raya, ini tidak bermakna bahawa mahkamah atau hakim tidak menjalankan kewajipan yang ditetapkan oleh undang-undang, atau mahkamah dan para hakim telah mengkompromikan integriti dan kebebasan kehakiman mereka.

[11] Justeru, adalah sangat mendukacitakan dan '*extremely disturbing*' apabila sejak kebelakangan ini, badan kehakiman telah dikecam bertubi-tubi hanya kerana Pendakwa Raya, dalam melaksanakan kuasa budibicara muktamadnya di bawah Perkara 145 Fasal (3) Perlembagaan Persekutuan, telah memutuskan untuk menarik balik beberapa pertuduhan dalam beberapa kes yang berprofil tinggi. Keputusan tersebut hanya boleh dibuat oleh Pendakwa Raya sahaja dan tidak oleh pihak-pihak yang lain, termasuklah mahkamah.

[12] Sebagaimana saya sering nyatakan, tuduhan melulu tanpa apa-apa asas terhadap mahkamah dan para hakim akan menjaskankan kepercayaan rakyat terhadap kewibawaan institusi Badan Kehakiman Negara yang diberi amanah untuk mengadili pertikaian secara bebas, saksama dan berdasarkan undang-undang. Penghakisan kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap institusi Badan Kehakiman Negara akan merugikan semua pihak kerana *the courts of law are the last bastion of justice for the ordinary citizens*. Mahkamah adalah tempat terakhir di mana pertikaian antara rakyat sesama rakyat dan rakyat dengan kerajaan dapat diadili dengan bebas, berdasarkan keterangan dan undang-undang.

[13] Oleh itu, saya sekali lagi menyeru orang ramai agar lebih bertanggungjawab dalam memberikan apa-apa ulasan mengenai pengendalian kes-kes di mahkamah, terutamanya ulasan-ulasan yang menyentuh integriti para hakim. Percayalah, mahkamah tidak berpihak kepada mana-mana orang atau kumpulan tertentu dan hanya berpihak kepada undang-undang dan keadilan. Ini adalah sumpah yang sentiasa dihayati oleh para hakim.

[14] Ada juga pihak-pihak tertentu yang cuba memberi gambaran bahawa terdapat para hakim yang terlibat dengan amalan rasuah. Sekiranya benar bahawa terdapat para hakim yang terlibat dengan amalan rasuah, saya sekali lagi menyeru mana-mana orang yang mempunyai maklumat tersebut membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), agar siasatan dan tindakan sewajarnya mengikut undang-undang dapat diambil. Tindakan untuk

membuat laporan kepada SPRM adalah lebih berfaedah dan bermanfaat kepada Badan Kehakiman, dari hanya menulis dan membuat tohmahan liar di media sosial tanpa dikemukakan apa-apa bukti. Perlu diambil ingatan bahawa kita sekarang berada dalam arus teknologi di mana sesuatu perkara boleh disebarluaskan dengan cepat dan meluas. Oleh itu, apa-apa juga yang ditulis di media sosial akan tersebar ke seluruh pelusuk negara dan juga akan tular ke seluruh dunia. Pembaca tidak mempunyai cara untuk mengesahkan kesahihan perkara yang ditulis dan akan menganggap apa-apa yang dituliskan di media sosial itu adalah benar.

[15] Saya ingin menegaskan bahawa Badan Kehakiman tidak pernah mengambil pendirian bahawa hakim-hakim tidak boleh dikritik. Badan Kehakiman bersedia menerima kritikan dan teguran yang membina terhadap keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah. Badan Kehakiman adalah bertanggungjawab kepada masyarakat dan apa-apa kritikan yang membina boleh meningkatkan lagi kualiti pelaksanaan tugas-tugas kehakiman. Walau bagaimanapun, kritikan tersebut hendaklah dibuat dengan jujur dan '*with reasonable courtesy within the limits of the law*'.

YAA-YAA, YA-YA, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

[16] Sebentar tadi YA-YA telah melafazkan ikrar Sumpah Jawatan. Pesanan saya ialah YA-YA jangan sesekali memandang ringan ikrar Sumpah Jawatan tersebut kerana ia merupakan suatu akujanji yang perlu sentiasa diingati. YA-YA juga hendaklah sentiasa mengamalkan budi

pekerja dan memelihara tatakelakuan kehakiman, seperti digariskan dalam Kod Etika Hakim 2009.

[17] Saya ingin menarik perhatian YA-YA kepada beberapa larangan penting di bawah Kod Etika Hakim, antaranya ialah:

- (i) Tidak boleh menggunakan prestij jawatan kehakiman YA-YA untuk memajukan kepentingan peribadi atau orang lain;
- (ii) Tidak boleh berkelakuan dengan cara yang boleh membawa nama buruk kepada jawatan YA-YA sebagai seorang hakim;
- (iii) Tidak boleh berkelakuan mengikut cara yang tidak wajar sebagai seorang hakim atau yang boleh membawa atau dikira akan membawa nama buruk kepada jawatan YA-YA sebagai seorang hakim;
- (iv) Tidak boleh mendedahkan atau menggunakan apa-apa maklumat bukan umum yang diperoleh atas sifat kehakiman bagi apa-apa maksud yang tidak berhubungan dengan tugas-tugas kehakiman YA-YA; dan
- (v) YA-YA tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti politik dan hendaklah menjauhi diri daripada apa-apa kelakuan yang boleh menimbulkan suatu gambaran bahawa YA-YA terlibat dalam aktiviti politik.

[18] Saya seterusnya ingin menarik perhatian YA-YA kepada subperenggan 7, Perenggan 7 Kod Etika Hakim yang menghendaki YA-YA berusaha dengan tekun dan cekap untuk mendengar dan melupuskan kes-kes yang telah didaftar di mahkamah YA-YA dan untuk segera menulis alasan penghakiman dalam tempoh yang ditetapkan. YA-YA perlu mengambil perhatian bahawa pelanggaran mana-mana peruntukan Kod Etika Hakim boleh menyebabkan tindakan tatatertib diambil terhadap YA-YA.

[19] *Compliance with the Judges Code of Ethics does not mean that judges are, in any way subservient to the Chief Justice, the President of the Court of Appeal, the Chief Judges of Malaya and of Sabah and Sarawak. Neither does the Code of Ethics in any way, hinder or restrict judges from being impartial and independent in deciding cases. What it simply means is that judges are not above the law.*

YAA-YAA, YA-YA, tuan-tuan dan puan-puan,

[20] Saya ingin membuat pemerhatian bahawa terdapat para hakim yang menunjukkan prestasi yang cemerlang semasa menjadi Pesuruhjaya Kehakiman, namun apabila telah disahkan dan dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi, prestasi tersebut merosot dan tidak memuaskan. Ini tidak sepatutnya berlaku. Walau pun tempoh perkhidmatan YA-YA kini telah disahkan dan terjamin, namun YA-YA mempunyai tanggungjawab dan amanah yang besar untuk mendengar kes-kes yang telah didaftarkan di mahkamah YA-YA, membuat keputusan

yang betul dalam tempoh yang munasabah dan menulis alasan penghakiman tanpa tertunggak.

[21] Perlu juga diambil perhatian bahawa seseorang yang telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman tidak akan secara automatik disahkan sebagai seorang Hakim Mahkamah Tinggi. Penilaian yang teliti dan saksama akan dibuat oleh Pengurusan Atasan Badan Kehakiman bersama-sama dengan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman. Seseorang Pesuruhjaya Kehakiman hanya akan disahkan sebagai seorang Hakim Mahkamah Tinggi sekiranya beliau telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam melupuskan kes-kes, menulis alasan penghakiman yang berkualiti, mempunyai perangai kehakiman (“*judicial temperament*”) yang sesuai dan tidak melakukan perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Kod Etika Hakim 2009. *These are the requirements stipulated under the law, i.e. the Judicial Appointments Commission Act 2009.*

[22] *As judges, we do not pick and choose disputes that we wish to hear. We adjudicate all cases that come before us. We are therefore bound to hear cases which attract public attention and which involve political figures, from whichever side of the divide. The reality is that, no matter how impartial we are or how detached we are from politics, our decisions will be viewed from a political perspective or with a political flavour, because unfortunately, public perception of the Judiciary is shaped by the political landscape. In that regard, we must be prepared to withstand public scrutiny and be prepared to swallow the hurtful, unfair and baseless allegations against us, if our decisions do not tally with public opinion. But*

*let it be known that we do not decide cases based on popular public views, rather, we decide cases based on the evidence and the law.*

[23] Mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada YA-YA yang baharu dilantik ke jawatan masing-masing dan juga kepada keluarga YA-YA. Pelantikan YA-YA ini adalah merupakan kemuncak kerjaya YA-YA yang terlibat dalam bidang undang-undang. Kuasa dan kesempatan mengadili insan yang lain merupakan satu kehormatan yang tinggi. Justeru, ia perlu dilaksanakan dengan penuh amanah, jujur dan mengikut undang-undang yang ditetapkan. Saya berdoa agar YA-YA sentiasa berada dalam kesihatan yang baik untuk terus mencurah bakti dan khidmat kepada Badan Kehakiman dan negara, dengan cemerlang.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah, wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.